

02/12/1999

Pengundi Melayu berubah cita rasa

Rejal Arbee

SEBAGAIMANA dijangkakan Barisan Nasional (BN) diberikan mandat sekali lagi untuk memegang tampuk kerajaan dengan mendapat majoriti dua pertiga. Ini bermakna pakatan empat parti pembangkang di Semenanjung gagal untuk menidakkan kemenangan majoriti besar BN.

Walaupun memenangi 148 kerusi Parlimen (berbanding 162 yang dimenangi dalam pilihan raya 1995), prestasi yang boleh dibanggakan memandangkan keadaan politik negara yang dihadapi dalam tempoh lebih setahun kebelakangan ini, penelitian keputusan itu menunjukkan kemerosotan sokongan agak ketara oleh pengundi Melayu. Ini menyebabkan kebanyakan kerusi yang dimenangi BN menunjukkan perolehan undi dan majoriti kemenangan yang merosot.

Lebih ketara lagi prestasi Umno kali ini jelas menunjukkan sokongan merosot. Umno memenangi hanya 72 kerusi Parlimen daripada 104 kawasan yang ditandingi. Kedudukannya di Semenanjung lebih mengecewakan, ia memenangi hanya 60 kerusi dari 92 kawasan yang ditandinginya (berbanding 88 kerusi yang dimenangi dalam pilihan raya 1995 termasuk 79 di Semenanjung). Umno bagaimanapun menyapu bersih semua 12 kerusi yang ditandinginya di Sabah dan Labuan (berbading sembilan kerusi pada 1995).

Kemerosotan sokongan terhadap Umno membawa kepada kelebihan besar kerusi yang dimenangi Pas, meningkat daripada hanya tujuh kerusi kepada 27 bagi Parlimen. Inilah kali pertama dalam sejarah Pas memenangi begitu banyak kerusi Parlimen. Jumlah terbesar yang pernah dimenangi Pas dulu hanya 13 kerusi pada 1959.

Keadilan pula walaupun menonjolkan dirinya seolah-olah mendapat sokongan ramai, memenangi hanya lima kerusi daripada 59 kawasan yang ditandinginya, malah tidak mendapat satu pun kerusi di Wilayah Persekutuan di mana gerakan reformasi dicetuskan begitu hebat sekali.

Prestasi Keadilan tidak jauh bezanya daripada apa yang diperolehi Semangat 46 yang memenangi enam kerusi dari 66 kawasan yang ditandinginya pada 1995. Jelas parti serpihan sememangnya tidak mendapat tempat di kalangan pengundi.

Berikutan keputusan itu, ramai yang menyuarakan kebimbangan mereka terhadap kemerosotan sokongan Melayu terhadap Umno. Boleh dikatakan semua kerusi yang dimenangi di Semenanjung menunjukkan kemerosotan sokongan.

Jumlah undi diperolehi Umno berkurangan menyebabkan majoriti kemenangan juga berkurangan, malah seorang Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak berjaya mempertahankan kerusinya di Pekan dengan hanya 241 undi berbanding majoriti 10,793 pada 1995. Undi rosak 631 pun melebihi undi majoritinya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengalami kemerosotan majoriti daripada 17,226 kepada 10,138 undi.

Jelas sekali kelihatan pengalihan sokongan Melayu daripada Umno kepada pembangkang melalui Pas dan Keadilan. Persetujuan di kalangan keempat-empat parti pembangkang iaitu Pas, Keadilan, DAP dan Parti Rakyat Malaysia untuk bertanding sebagai barisan alternatif menyebabkan hampir semua kerusi ditandingi satu lawan satu dan ini juga menolong pembangkang khususnya Pas.

Jika Umno berjaya mempertahankan calonnya, ini kerana pengalihan sokongan pengundi Melayu di kawasan itu tidak begitu ketara. Pengalihan undi Melayu juga menyebabkan kawasan 'marginal' jatuh kepada Pas. Pengalihan undi Melayu jelas di kubu Pas dengan calonnya mendapat undi

lebih besar membolehkan Pas menang dengan majoriti bertambah.

Apakah gambaran yang diberikan oleh trend ini? Yang lebih merisaukan apakah trend ini berlarutan untuk memberikan tamparan lebih hebat kepada Umno lima tahun lagi? Sama ada keadaan ini akan bertambah genting terpulang kepada bagaimana Umno menanganinya. Bagaimana Umno menghadapi pola ini juga akan menentukan masa depan parti sama ada ia boleh terus memantapkan kedudukannya sebagai tunjang perjuangan Melayu.

Perpecahan di kalangan undi Melayu agak ketara kali ini. Perkembangan dan pergolakan yang berlaku dalam tempoh setahun kebelakangan ini berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim jelas mempengaruhi orang Melayu bertukar arah daripada sokongan padu mereka terhadap BN, khasnya Umno kepada parti lawan khasnya Pas.

Walaupun pemecatan Anwar itu mewujudkan Parti Keadilan, parti itu gagal meraih sokongan terbanyak orang Melayu terhadap perjuangannya. Hakikatnya parti serpihan sukar mendapat sokongan walaupun sebelum ini penyokongnya dengan gah melaungkan keyakinan menerima sokongan majoriti rakyat khasnya orang Melayu.

Walaupun memenangi lima kerusi Parlimen, sebagai parti serpihan, Keadilan tidak mendapat sokongan menyeluruh, malah di ibu kota parti itu gagal walaupun sebelum ini gambaran diberikan seolah-olah reformasi mendapat sokongan meluas warga ibu kota.

Satu perkara yang harus Umno timbangkan dengan serius ialah kemerosotan sokongan golongan profesional dan menengah Melayu kepada kerajaan. Demikian juga gambaran ramai kakitangan kerajaan termasuk guru dan pasukan keselamatan tidak begitu mantap menyokong kerajaan malah lebih bersimpati terhadap pelbagai tuntutan yang dikemukakan golongan reformasi.

Umno juga harus mendalami kenapa perkara ini boleh terjadi sehingga mengalami kekalahan begitu teruk di Terengganu. Apa yang digembar-gemburkan Umno beberapa hari sebelum pengundian dijalankan seolah-olah boleh menawan kembali Kelantan ternyata begitu meleset. Kawasan yang dianggap sebagai kubu Umno juga jatuh ke tangan Pas. Apakah perkara yang membawa pengundi menolak terus Umno di kedua-dua negeri pantai timur itu? Benarkah pimpinan Umno tidak bersepadu khususnya di Kelantan? Demikian juga di beberapa kawasan di Perlis dan Kedah, Pas berjaya meraih lebih undi. Parti itu juga berjaya bertapak di Pahang, Perak dan Selangor.

Apakah sokongan ini diberi kerana pengundi menyokong perjuangan parti itu atau apakah kerana rakyat menghendaki perubahan terhadap beberapa dasar yang dipegang kerajaan BN?

Apakah benar barisan calon Umno khasnya, juga kurang memuaskan sehingga orang Umno sendiri mempersoalkan pemilihan sesetengah calon itu? Benarkah corak kempen BN juga memualkan sesetengah pengundi?

Selain itu apakah Umno perlu mengubah corak untuk dapat menarik lebih ramai golongan profesional dan muda mudi menyokongnya. Persoalan ini harus dikaji dan diteliti dan perubahan perlu diusahakan jika trend ini hendak disekat.

Perkara lain yang juga menarik ialah sokongan padu pengundi Johor. Johor juga adalah negeri Melayu, tetapi prestasinya tidak begitu terjejas dengan arus yang sedang meniup. BN masih mampu menyapu bersih semua 20 kerusi Parlimen dan 40 kerusi Dewan Undangan Negeri. Walaubagaimanapun majoriti kemenangan di kebanyakan kawasan juga berkurangan membuktikan sokongan Melayu di Johor terjejas sedikit.

Daripada keseluruhan keputusan itu, Umno khasnya harus mengambil iktibar dari trend pengundian kali ini dan mengusahakan langkah yang perlu diambil untuk mengatasi segala apa yang menjadi kemusykilan rakyat.

(END)